

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	11/3/2013

um 11/3/13
**Jangan
lepaskan
tujuh projek
dijanjikan PM**

PASIR MAS 10 Mac - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) menyeru rakyat Kelantan tidak melepaskan peluang tujuh projek yang dijanjikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membangunkan negeri ini.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, tujuh projek itu penting untuk memastikan Kelantan bergerak seiring dengan Kerajaan Pusat menjelang 2020 apabila Malaysia mencapai status negara maju.

Beliau berkata, Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kali ini merupakan peluang terbaik, jika tidak rakyat Kelantan perlu menunggu lima tahun lagi iaitu pada 2018 dan waktu itu masanya sudah terlewat untuk mereka.

"Kalau rakyat mahu membangun, jangan lepaskan peluang tujuh janji yang diberikan Datuk Seri Najib untuk negeri ini, kita rebut peluang ini kalau tidak kena tunggu lima tahun lagi.

"Pada masa itu negara kita sudah hampir menjadi negara maju tetapi negeri ini berada di mana, waktu itu rakyat Kelantan akan berasa rendah diri kerana kita tidak terlibat sama dengan pembangunan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan hampir 20,000 rakyat dalam Perhimpunan Orang Kelantan Naik Angin anjuran Perkasa di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panglima Raja di sini semalam.

Program tersebut dilihat sebagai lambang kebangkitan rakyat Kelantan terhadap pemerintahan Kerajaan Pas Kelantan yang gagal membangunkan negeri ini selama 23 tahun.

Meskipun berlangsung di bawah cuaca panas, keadaan itu tidak menghalang kehadiran orang ramai malah rata-rata yang hadir tidak mahu melepaskan peluang menatap wajah dan mendengar amanat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.